

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA  
(KUTKM)

DISEDIAKAN OLEH :  
NORASIAH BINTI MOHD YASIN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( PEMASARAN )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2005

LI 47 FPE 4 2005



1100045019

# Laporan akhir latihan industri di Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) / Norasiah Mohd Yasin.



Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berdasarkan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalui latihan Industri Simatai-ri di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU**

1100045019

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI KOLEJ  
UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA  
(KUTKM)**

**OLEH  
NORASIAH BINTI MOHD YASIN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(PEMASARAN)**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA**

**JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI (FPE)  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI  
MALAYSIA  
(KUSTEM)**

**2005**

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI KOLEJ  
UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA  
(KUTKM)**

**Oleh**

**NORASIAH BINTI MOHD YASIN  
Sarjana Muda Pengurusan  
(Pemasaran)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.  
(KUSTEM)**


**2005**

**i100045019**

## **PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN**

Dengan ini saya **Norasiah binti Mohd Yasin**, no.matrik UK7935 mengaku bahawa Laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang di pelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama: **Norasiah binti Mohd Yasin**

Tarikh: **25 November 2005**

Disahkan Oleh:



Penyelia KUSTEM

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)  
Mengabang Telipot  
81030 Kuala Terengganu.

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM



## PRAKATA

Latihan Industri merupakan salah satu aspek penting dalam program pembangunan pembelajaran Fakulti Pengurusan dan Ekonomi di KUSTEM. Menerusi latihan industri pelajar yang membuat latihan di sektor kerajaan dan swasta mempunyai peluang untuk belajar secara terus melalui pemerhatian, pendapat, tinjauan mengenai kemahiran dalam pelbagai bidang kerja. Pada masa yang sama, pelajar mempunyai peluang untuk belajar mengenai kaedah pengurusan dan pendidikan dalam organisasi tersebut. Latihan industri memberi pendedahan kepada pelajar mengenai latihan asas yang professional berkaitan dalam bidang yang di ambil oleh pelajar serta mampu mengaplikasikan teori yang telah dipelajari.

Latihan industri ini juga dapat membina hubungan dengan dunia professional yang berkaitan dengan bidang yang dipelajari, memahami nilai etika kerja dan menunjukkan keupayaan mereka untuk hidup dalam dunia pekerjaan dan mendapatkan peluang untuk bekerja selepas bergraduat.

Bagi pelajar yang mengambil jurusan pengurusan, latihan industri akan memberi lebih banyak peluang kepada mereka untuk meningkatkan kecekapan dalam bidang pengurusan.

## **PENGHARGAAN**

Segala puji bagi Allah S.W.T, Tuhan yang memerintah alam serta selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan taufik dan hidayahnya dapatlah saya menyiapkan laporan latihan industri dengan jayanya. Laporan latihan industri merupakan satu kertas yang perlu disediakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk bergraduat bagi Program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran).

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan penghargaan serta ucapan terima kasih kepada pensyarah Cik Nor Surriyati binti Othman penyelia Latihan Industri di atas bimbingannya bagi menyiapkan laporan ini. Juga tidak lupa ucapan terima kasih ditujukan kepada Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) kerana telah memberi peluang kepada pelatih untuk menjalani Latihan Industri. Pelatih turut berterima kasih kepada Ketua Penolong Pendatar Bahagian Pengurusan Akademik En. Wahi bin Nordin di atas segala bantuan dan tunjuk ajar yang diberi. Ribuan terima kasih juga atas sokongan dan bantuan oleh penyelia industri iaitu En. Misdom Bin Lan. Setinggi - tinggi ucapan terima kasih saya tujukan kepada semua yang turut menyumbangkan bantuan dan kerjasama dalam menyiapkan kertas laporan ini. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih kepada keluarga yang turut memberi sokongan moral dan semangat sehingga siapnya laporan ini.

Akhir sekali ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung yang tidak dapat pelatih tintakan di ruang ini tetapi segala bantuan dan kerjasama tuan/puan dalam menyempurnakan laporan industri ini amat dihargai.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
Prakata	ii
Penghargaan	iii
Senarai Carta	v
Senarai Carta Alir	vi
Senarai Gambarajah	vii
Ringkasan Eksekutif	viii

## **BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI**

### **1.1 Pengenalan**

1.1.1 Latar Belakang Penubuhan Kolej Universiti Teknikal	1
--	---

#### **Kebangsaan Malaysia**

1.1.2 Konsep Penubuhan	2
------------------------	---

<b>1.2 Matlamat Organisasi</b>	<b>4</b>
--------------------------------	----------

1.2.1 Visi	4
------------	---

1.2.2 Misi	4
------------	---

1.2.3 Moto	4
------------	---

1.2.4 Objektif KUTKM	4
----------------------	---

1.2.5 Logo KUTKM	6
------------------	---

<b>1.3 Pembangunan Organisasi</b>	<b>8</b>
<b>1.3.1 Kerjasama Strategik KUTKM dengan Universiti di Australia</b>	<b>8</b>
<b>1.3.2 Bengkel Penerbitan Elektronik</b>	<b>12</b>
<b>1.4 Maklumat Organisasi</b>	<b>15</b>
<b>1.4.1 Maklumat Organisasi</b>	<b>15</b>
<b>1.4.1 Struktur Utama Organisasi</b>	<b>16</b>
<b>1.5 Carta Organisasi Bahagian Pengurusan Akademik</b>	<b>18</b>
<b>1.5.1 Unit Kemasukan, Rekod dan Pemasaran</b>	<b>18</b>
<b>1.5.2 Unit Peperiksaan dan Pengijazahan</b>	<b>19</b>
<b>1.5.3 Unit Senat</b>	<b>20</b>
<b>1.6 Aktiviti KUTKM</b>	<b>21</b>
<b>1.7 Pemfokusan Kemahiran</b>	<b>23</b>

## **BAB 2: MENGENALPASTI SISTEM, MASALAH DAN**

### **CADANGAN PENYELESAIAN**

<b>2.1 Bahagian peperiksaan dan Pengijazahan</b>	<b>25</b>
<b>Sistem Pendaftaran MUET Menggunakan SP MUET V2.0</b>	
<b>2.1.1 Carta Aliran Sistem Kerja</b>	<b>27</b>
<b>2.1.2 Masalah yang dihadapi</b>	<b>29</b>
<b>2.1.3 Cadangan Penyelesaian Masalah</b>	<b>31</b>
<b>2.1.4 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi</b>	<b>32</b>

<b>2.2 Bahagian Pengoperasian</b>	<b>34</b>
<b>Sistem Penyelenggaraan alatan bantuan pengajaran</b>	
<b>2.2.1 Carta aliran Sistem Kerja</b>	<b>34</b>
<b>2.2.2 Masalah Yang Dihadapi</b>	<b>38</b>
<b>2.2.3 Cadangan Penyelesaian Masalah</b>	<b>39</b>
<b>2.1.4 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi</b>	<b>41</b>
<b>2.3 Bahagian Kemasukan, Rekod dan Pemasaran</b>	<b>42</b>
<b>Sistem Pendaftaran Pelajar baru</b>	
<b>2.3.1 Carta aliran Sistem Kerja</b>	<b>42</b>
<b>2.3.2 Masalah yang Dihadapi</b>	<b>45</b>
<b>2.3.3 Cadangan Penyelesaian Masalah</b>	<b>47</b>
<b>2.1.4 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi</b>	<b>49</b>
 <b>BAB 3: PENUTUP</b>	
<b>3.1 Kesimpulan</b>	<b>50</b>
 <b>RUJUKAN</b>	
<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI CARTA

<b>Senarai Carta</b>	<b>Muka Surat</b>
Carta 1.1: Struktur Organisasi Utama	16
Carta 1.2: Unit Kemasukan, Rekod dan Pemasaran	18
Carta 1.3: Unit Peperiksaan dan pengijazahan	19
Carta 1.4: Unit Senat	20

## **SENARAI CARTA ALIR**

<b>Senarai Carta Alir</b>	<b>Muka Surat</b>
Carta alir 1.1: Sistem Pendaftaran MUET	27
Carta Alir 1.2: Sistem Penyelenggaraan Alatan Pengajaran	34
Carta Alir 1.3: Sistem Kemasukan Pelajar Baru	42

## **SENARAI GAMBARAJAH**

<b>Senarai Gambarajah</b>	<b>Muka Surat</b>
Gambarajah 1.1: Logo KUTKM	6
Gambarajah 1.2: Platinum Spiral	7
Gambarajah 1.3: Logo KUTKM	7
Gambarajah 1.4: Pertukaran Dokumen Persefahaman.	11
Gambarajah 1.5: Perbincangan di antara Delegasi.	11
Gambarajah 1.6: Mengadakan Perasmian Bengkel Penerbitan Elektronik.	14
Gambarajah 1.7: Perserta Mengikuti Kegiatan <i>Hands-on</i>	14

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Sebagai pelajar dibawah program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi adalah diwajibkan menjalani Latihan Industri selama 12 minggu. Pelatih telah memilih organisasi perkhidmatan iaitu Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) yang terletak di Ayer Keroh, Melaka Badaraya Bersejarah sebagai tempat untuk menjalani latihan industri. KUTKM merupakan salah sebuah organisasi yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk memberikan peluang pendidikan kepada pelajar dalam jurusan teknikal. Seperti institusi yang lain di Malaysia yang menyediakan jurusan yang berlainan di setiap institusi. KUTKM memberikan pengkhususan kepada bidang kejuruteraan teknikal kepada pelajar. Selama menjalani Latihan Industri di Kolej Univerasiti Teknikal Kebangsaan malaysia, pelatih telah diberikan tunjuk ajar dan pendedahan mengenai operasi dan pentadbiran organisasi ini. Terutamanya dalam pentadbiran untuk menguruskan pendaftaran pelajar baru. Latihan Industri ini juga, pelbagai pendekatan telah di praktikkan agar segala tugas yang diberi dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan. Penyelia industri menempatkan pelatih di unit kemasukan, rekod dan pemasaran dengan itu pelatih dapat memahami dengan lebih mendalam mengenai sistem kemasukan pelajar, pengrekodan pelajar dan aktiviti promosi yang dilakukan malah di beri penekanan dalam urusan promosi jurusan yang ditawarkan oleh KUTKM. Pelatih dapat mengaplikasikan bidang pengajian kepada bidang pekerjaan terutama cara bagaimana untuk berhadapan dan berinteraksi dengan pelanggan, mempromosikan jurusan yang ditawarkan (fakulti yang ada dan perkhidmatan yang disediakan), menyesuaikan diri dan bertanggungjawab terhadap tugas yang di amanahkan. Sepanjang Latihan Industri, pelatih telah membuat pemerhatian dan mengesan sistem sedia ada yang terdapat dicawangan ini. Penemuan pertama melibatkan bahagian unit peperiksaan dan pengijazahan iaitu proses pendaftaran pelajar MUET menggunakan SPMUET V 2.0. Dengan menggunakan sistem ini aktiviti pendaftaran muet akan lebih berkesan dan mencapai objektifnya. Penemuan kedua, bahagian pengoperasian organisasi yang mana dari pemerhatian kasar pelatih, organisasi kurang prihatin terhadap pengrekodan kerosakan yang dialami dalam sistem kerja yang dilakukan. Selain itu, penemuan ketiga semasa menjalani Latihan Industri adalah dari bahagian kemasukan, rekod dan pemasaran. Dalam unit ini sistem yang dikaji adalah prosedur pendaftaran pelajar baru yang melibatkan pemilihan yang dilakukan bersama jabatan pendidikan tinggi.